

MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

Diisi oleh
Jawatankuasa
Sebut harga



DOKUMEN SEBUT HARGA PERKHIDMATAN

TAJUK PERKHIDMATAN :

MPAG/SH/57/2024 - PERKHIDMATAN PENEBAANGAN DAN CANTASAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI SEKITAR DAERAH ALOR GAJAH (MARRIS FASA 2) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024

1.	Nama Syarikat	:	
2.	No.Telefon	:	
3.	No.Resit	:	

PERKHIDMATAN PENEBAANGAN DAN CANTASAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI SEKITAR DAERAH ALOR GAJAH (MARRIS FASA 2) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA
1	KENYATAAN SEBUT HARGA
2	LAMPIRAN A - ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA
3	LAMPIRAN B - SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUT HARGA
4	LAMPIRAN C – SYARAT-SYARAT TEKNIKAL DAN SPESIFIKASI SEBUT HARGA
5	SENARAI SEMAK TAWARAN KEWANGAN
6	LAMPIRAN Q
7	LAMPIRAN 1 - MAKLUMAT LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA
8	LAMPIRAN 2 - SURAT AKAUN PEMBIDA
9	LAMPIRAN 3 - JADUAL TAWARAN HARGA
10	LAMPIRAN 4 - SENARAI PEMBERIAN PERALATAN / BARANGAN SECARA PERCUMA (JIKA ADA)
11	SENARAI SEMAK CADANGAN TEKNIKAL
12	LAMPIRAN 5 - BORANG CADANGAN SPESIFIKASI TEKNIKAL
13	LAMPIRAN 6 - MAKLUMAT PENGALAMAN SYARIKAT



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
NOTIS SEBUT HARGA BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan, sama ada bertaraf Bumiputera dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut :-

KETERANGAN SEBUT HARGA	GREJ, KATEGORI & PENGKHUSUSAN / KOD BIDANG & TARAF	TARIKH / MASA TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP
<p>MPAG/SH/57/2024</p> <p>PERKHIDMATAN PENEANGAN DAN CANTASAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI SEKITAR DAERAH ALOR GAJAH (MARRIS FASA 2) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024</p>	<p><u>Kod Bidang:</u></p> <p>221002 - Membersih Kawasan</p> <p>DAN</p> <p>221003 - Mengangkat Sampah</p> <p><u>Taraf:</u> Bumiputera / Bukan Bumiputera</p>	<p>TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK (DIWAJIBKAN)</p> <p>Tarikh Taklimat & Lawatan Tapak :</p> <p>22 Ogos 2024 (Khamis)</p> <p>Waktu Pendaftaran : 9.00 pagi - 9.30 pagi</p> <p>Tempat :</p> <p>BERKUMPUL DI HADAPAN SEKOLAH SULTAN ALAUDDIN, MASJID TANAH</p> <p>Sila bawa sijil SSM, Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (MOF) dan Sijil Pendaftaran Syarikat Bumiputera (MOF) bagi tujuan semakan. Hanya seorang penama dalam sijil sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan taklimat</p> <p>Nama pegawai : Encik Ishak</p> <p>No. Telefon : 013-778 6600</p>	<p><u>Tarikh Dokumen Dijual:</u></p> <p>27 Ogos 2024 (Selasa)</p> <p>Sehingga</p> <p>3 September 2024 (Selasa)</p>	<p><u>Harga Dokumen:</u></p> <p>RM 50.00 Tidak akan dikembalikan</p>	<p><u>Tempat:</u></p> <p>Peti Tawaran, Unit Perolehan, Tingkat 2, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Lebu AMJ, Alor Gajah, Melaka.</p> <p><u>Tarikh Sebut Harga Ditutup:</u></p> <p>4 September 2024 (Rabu)</p> <p><u>Waktu Sebut Harga Ditutup:</u></p> <p>12.00 tengah hari</p>

1. Dokumen sebut harga **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my>. Sebut harga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya syarikat membuat salinan pendua daripada dokumen sebut harga yang asal.


1. MENDAFTAR DI STOM 2. CIPTA AKAUN DI PORTAL E-BAYAR 3. BACA DAN FAHAMI MANUAL SISTEM STOM



<https://stom.melaka.gov.my>



<https://ebayar.melaka.gov.my>



<https://stom.melaka.gov.my/docs>

2. Pihak ~~Kontraktor~~ / Pembekal / Syarikat perlu melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak **RM50.00 setahun** dan membuat **pembelian sebut harga secara atas talian**.
3. Untuk makluman, syarikat yang ingin membeli dokumen sebut harga dan belum pernah berdaftar dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai pembekal MPAG dengan yuran pendaftaran sebanyak **RM50.00** bagi kategori **bekalan & perkhidmatan** dengan **mengemukakan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Penyata Kewangan Syarikat dan Profil Syarikat**.
4. Bagi syarikat yang **telah berdaftar sebagai pembekal MPAG**, perlulah memastikan pendaftaran syarikat kekal aktif dan telah diperbaharui sebelum membeli dokumen sebut harga. Kadar yuran pembaharuan pendaftaran adalah sebanyak **RM 30.00 setahun**.
5. Bagi sebarang urusan **pendaftaran** atau **pembaharuan pendaftaran syarikat dengan MPAG**, hendaklah dilakukan secara atas talian melalui **Sistem eSyarikat** yang boleh dicapai melalui alamat <http://portal.mpag.gov.my/esyarikat>
6. Sila lampirkan resit pembelian dokumen sebut harga dan dikepilkan bersama dokumen sebut harga.
7. Majlis tidak terikat untuk menerima sebut harga dengan harga terendah atau mana-mana harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Lembaga Perolehan adalah muktamad.

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
LEBUH AMJ, 78000 ALOR GAJAH, MELAKA**

Tarikh : 20 OGOS 2024

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

a. Penyediaan Sebut Harga

Syarikat adalah dikehendaki melengkapkan segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

(a) Lampiran Q

(b) Lampiran 1- Maklumat Latar Belakang Penyebut Harga

(c) Lampiran 2 - Surat Akuan Pembida

(d) Lampiran 3 – Jadual Harga Tawaran

(e) Lampiran 4 – Senarai Pemberian Peralatan / Barangan Secara Percuma (Jika Ada)

(f) Lampiran 5 - Borang Cadangan Spesifikasi Teknikal

(g) Lampiran 6 - Maklumat Pengalaman Syarikat

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Penyebut harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

b. Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut harga boleh menghubungi pejabat berikut untuk penjelasan lanjut:

Unit Perolehan

Majlis Perbandaran Alor Gajah

No. Tel: 06-5562575

No. Fax : 06-5564909

3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

4. DOKUMEN-DOKUMEN TAWARAN PENYEBUT HARGA

4.1 DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN & TEKNIKAL

- 4.1.1 Penyebut Harga hendaklah menyerahkan Dokumen yang seperti di Senarai Semak seperti di alamat yang ditetapkan dalam Kenyataan Tawaran;
- 4.1.2 Kerajaan tidak akan bertanggungjawab diatas kegagalan penerimaan Cadangan Kewangan dan Cadangan Teknikal atau kehilangan borang-borang berkaitan Sebut harga tersebut;

5. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 5.1 Dokumen sebut harga hendaklah dikemukakan ke dalam **dua (2) sampul surat berasingan A dan B** seperti berikut;

5.1.1 **Sampul Surat A** adalah “**Dokumen Tawaran Kewangan**”

- a) **Senarai Semak Tawaran Kewangan** yang wajib ditanda untuk Tawaran Kewangan;
- b) **Lampiran Q**
- c) **Lampiran 1** - Maklumat Latar Belakang Penyebut harga;
- d) **Lampiran 2** - Surat Akuan Pembida;
- e) Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia;
- f) **Lampiran 3** - Jadual Tawaran Harga;
- g) ~~Lampiran 4 – Senarai Pemberian Peralatan/Barangan Secara Percuma (Jika Ada);~~
- h) Salinan Sijil Pendaftaran Bumiputera daripada Kementerian Kewangan (jika ada/ berkaitan);
- i) Salinan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- j) ~~Salinan Penyata Akaun Bank bulan Mei, Jun dan Julai 2024;~~
- k) Lain-lain kenyataan yang boleh menyokong tawaran seperti surat pengesahan dari Prinsipal;

5.1.2 **Sampul Surat B** adalah “**Dokumen Tawaran Teknikal**”

- a) **Senarai Semak Tawaran Teknikal** yang wajib ditanda untuk Tawaran Teknikal;
- b) **Lampiran 5** - Borang Cadangan Spesifikasi Teknikal;
- c) **Lampiran 6** - Maklumat Pengalaman Syarikat. Di ruangan pengalaman, sila sertakan senarai kontrak atau perkhidmatan di dalam bidang yang sama beserta nilai kontrak/ perkhidmatan dan disokong dengan salinan dokumen-dokumen berkaitan tanpa sebarang penggunaan maklumat syarikat seperti e-mel dan logo syarikat. Sediakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi dan sekiranya tiada pengalaman sila nyatakan “**Tiada Pengalaman**” di ruang yang disediakan ;
- d) Brosur atau Manual Spesifikasi yang menyokong spesifikasi teknikal **MESTI** disertakan (jika berkaitan);
- e) Lain-lain dokumen yang boleh menyokong tawaran;

5.2 Penyebut harga hendaklah menyatukan kedua-dua sampul **ke dalam satu (1) sampul surat yang lebih besar** dan beriakri serta ditandakan sebelah kiri (atas) sampul surat hendaklah ditulis “**MPAG/SH/57/2024 - PERKHIDMATAN PENEANGAN DAN CANTASAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI SEKITAR DAERAH ALOR GAJAH (MARRIS FASA 2) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024**”.

5.3 Sebut harga hendaklah dialamatkan kepada:

**Peti Tawaran,
Unit Perolehan,
Tingkat 2, Majlis Perbandaran Alor Gajah,
Lebu AMJ, Alor Gajah, Melaka.**

5.4 Cadangan sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Unit Perolehan, Tingkat 2, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Lebu AMJ, Alor Gajah, Melaka** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **4 September 2024 (Rabu)**;

5.5 Semua maklumat hendaklah ditulis dengan baik dan jelas. **SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA BORANG SEBUT HARGA YANG TIDAK LENGKAP DIISI, TIDAK DISERTAKAN SALINAN-SALINAN SIJIL/DOKUMEN WAJIB ATAU TIDAK DITANDATANGANI AKAN DITOLAK**;

6. HARGA INDIKATIF JABATAN

6.1 Harga Indikatif Jabatan bagi Sebut harga ini adalah Ringgit Malaysia: SATU RATUS RIBU (RM100,000.00) SAHAJA

6.2 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

6.3 Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

BAHAGIAN B - SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUT HARGA

Penyebut harga dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-syarat Am sebut harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dibawah ini membolehkan sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak;

1. KELAYAKAN MEMASUKI SEBUT HARGA

Pembekal yang menyertai sebut harga ini mestilah terlebih dahulu **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia**, bertaraf **Bumiputera/Bukan Bumiputera** dalam bidang **Membersih Kawasan DAN Mengangkat Sampah** di bawah **Kod Bidang 221002 DAN 221003** serta masih sah pendaftarannya semasa syarikat yang berjaya memulakan kerja-kerja kontrak. **Salinan Sijil Pendaftaran** dengan **Kementerian Kewangan** hendaklah disertakan bersama-sama dengan **Dokumen Sebut harga**. Jika tempoh pendaftaran telah atau hampir tamat, Penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan/pembaharuan tempoh pendaftaran telah dibuat;

2. SPESIFIKASI, SKOP DAN STANDARD KUALITI KERJA

- 2.1 Penyebut harga adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi, skop dan standard kualiti kerja bagi perkhidmatan di dalam **Lampiran C** supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletak harga;
- 2.2 Perkhidmatan / pembekalan akan dilaksanakan mengikut spesifikasi, skop kerja dan "*standard*" kualiti kerja yang dinyatakan dalam **Lampiran C**;
- 2.3 Penyebut harga yang berjaya hendaklah menyediakan **PERKHIDMATAN PENEANGAN DAN CANTASAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI SEKITAR DAERAH ALOR GAJAH (MARRIS FASA 2) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024**;

3. TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA

Tempoh sah laku sebut harga ini adalah selama **90 hari** bermula daripada tarikh sebut harga ditutup;

4. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan adalah muktamad dan Kerajaan tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga berhubung sebab-sebab penyebut harga tidak berjaya;

5. PERUBAHAN SYARAT-SYARAT

- 5.1 Kerajaan sentiasa berhak mengubah daripada semasa ke semasa syarat-syarat yang dinyatakan dan mulai daripada tarikh yang dinyatakan oleh Kerajaan, peralatan yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut;
- 5.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi pengeluaran, maka harga peralatan yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak secara bertulis;

6. PENAMATAN PERSETUJUAN

- 6.1 Dengan memberi notis bertulis kepada penyebut harga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya Kerajaan boleh terus menamatkan persetujuan;
- 6.2 Jika penyebut harga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini;
- 6.3 Jika penyebut harga sebagai orang perseorangan atau, apabila penyebut harga itu adalah satu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah siputang-sipiutang, atau jika penyebut harga itu adalah syarikat, meluluskan suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulungan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau pengurusan bagi pihak seseorang siputang dilantik atau jika timbul keadaan - keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulungan;

Atau

Jika Kerajaan mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa penyebut harga atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan penyebut harga) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak Kerajaan untuk mendapatkan balik ganti rosak;

7. PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Kerajaan dengan penyebut harga mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara Kerajaan dengan penyebut harga, dirujuk kepada pertimbangtaraan tiga orang, dua orang dilantik oleh Kerajaan dan seorang oleh penyebut harga. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini;

8. IKLAN

Tiada maklumat mengenai kontrak ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah diluluskan oleh kerajaan terlebih dahulu;

9. SURAT SETUJU TERIMA

Surat Setuju Terima akan dihantar oleh Kerajaan kepada Penyebut Harga yang berjaya dan Surat Perakuan Penyebut Harga ke atas Surat Setuju Terima Sebut Harga itu akan dianggap sebagai Kontrak yang mengikat di antara Kerajaan dan Penyebut Harga tanpa mengambil kira sama ada Kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak;

10. HAK KERAJAAN MENERIMA ATAU MENOLAK DOKUMEN SEBUT HARGA

- 10.1 Kerajaan berhak menerima atau menolak mana-mana Dokumen Sebut harga dan membatalkan proses sebut harga dan menolak semua Dokumen Sebut harga pada bila-bila masa sebelum kontrak diberikan tanpa melibatkan apa-apa tanggungan kepada Penyebut Harga yang terlibat atau tanpa memerlukan pihak Kerajaan untuk memaklumkan sebab-sebab demikian kepada Penyebut Harga yang terlibat;
- 10.2 Pihak Kerajaan adalah berhak mempersetujui nilai sebut harga sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya serta menambah atau mengurangkan kuantiti barangan sebut harga;

10.3 Pertimbangan sebut harga ini adalah berasaskan tawaran teknikal, tawaran harga dan keupayaan sebut harga serta lain-lain faktor yang difikirkan sesuai seperti berikut:

- a) Kerajaan tidak terikat untuk menawarkan kontrak kepada Penyebut Harga yang menawarkan harga terendah;
- b) Keputusan Kerajaan adalah muktamad;
- c) Kerajaan berhak memilih lebih dari satu Pembekal;
- d) Kerajaan juga berhak mengubah spesifikasi sebut harga jika perlu;
- e) Kerajaan berhak sama ada mempersetujui kesemua tawaran sebut harga atau sebahagiannya;
- f) Kerajaan tidak memerlukan untuk memberi sebab penolakan mana-mana Sebutharga; dan
- g) Sebarang surat menyurat mengenai keputusan Sebut harga tidak akan dilayan.

11. PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

11.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694);

11.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694);

12. PENGAKUAN

Saya/Kami bersetuju dan patuh kepada syarat-syarat yang dikenakan seperti di atas.

T/Tangan:
(Kontraktor)

T/Tangan:
(Saksi)

Nama:

Nama:

No. K.P.:

No. K.P.:

Tarikh:

Tarikh:

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

SYARAT-SYARAT TEKNIKAL DAN SPESIFIKASI SEBUT HARGA

1.0 KESELAMATAN PEKERJA & KESELAMATAN AWAM (PUBLIC LIABILITY)

- 1.1 Kontraktor adalah dikehendaki mengadakan perlindungan keselamatan ke atas semua pekerja dan peralatan kerja. Kontraktor juga dikehendaki mengadakan polisi Insurans untuk "Workmen Compensation" dan menyerahkan salinan resit premium kepada Yang Dipertua atau wakilnya sebelum memulakan kerja.
- 1.2 Segala kemalangan atau kerugian yang timbul dan pekerja-pekerja dan peralatan adalah dibawah tanggungjawab kontraktor. Segala kemalangan atau kerosakan hartabenda awam adalah dibawah tanggungan pihak kontraktor. Pihak kontraktor juga hendaklah mengemukakan satu salinan "Public Liability" kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Alor Gajah sebelum memulakan kerja.
- 1.3 Kontraktor hendaklah memastikan pekerja-pekerja beruniform dengan kemas setiap masa dan memastikan memaparkan nama Syarikat di uniform pekerja.
- 1.4 Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja-kerja yang telah dipersetujui seperti yang tercatat dalam spesifikasi kerja tanpa menimbulkan sebarang kacauganggu semasa atau selepas pelaksanaan kerja-kerja kepada pengguna atau orang awam.
- 1.5 Merujuk kepada surat pemakluman keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) P.15 Bil.6/2023 bertarikh 22 Mac 2023, petender yang Berjaya hendaklah mengemukakan keperluan insuran seperti yang dinyatakan di dalam kontrak Perbadanan Melaka Holdings Sdn Bhd (PMH) yang beralamatkan seperti berikut:

PERBADANAN MELAKA HOLDINGS SDN BHD

10-5, Aras 5, Kota Cemerlang,
Ayer Keroh, 75450 Melaka.

Telefon: 016-742 4941 (Muhammad Noorazhar bin Hishamuddin)

Faks: 06-232 1209

2.0 TEMPOH KONTRAK

2.1 Tempoh kontrak adalah selama **10 Minggu**.

2.2 Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) berhak menamatkan kontrak pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak jika didapati Penyebut harga telah gagal melaksanakan kontrak dengan baik.

2.3 Sekiranya kontraktor gagal melaksanakan kerja-kerja yang dinyatakan di atas, Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) berhak melantik kontraktor yang lain dan segala kos yang terlibat untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor.

3.0 PEMBAYARAN

- a. Pembayaran kepada kontraktor akan dibuat **selepas penerimaan tuntutan dan laporan** daripada pihak kontraktor selepas didapati kerja-kerja yang dilaksanakan adalah secara sempurna. Yang Dipertua atau wakilnya boleh atas budibicara membuat potongan sekiranya kerja-kerja yang dilaksanakan tidak memuaskan.

4.0 DENDA

a. GANTIRUGI KELEWATAN

Jika Kontraktor gagal menyiapkan kerja pada "Tarikh Siap" yang dinyatakan atau dalam sesuatu lanjutan masa yang telah diberikan kepadanya dan Pegawai Penguasa memperakui secara bertulis bahawa pendapatnya kerja tersebut dengan munasabahnya sepatutnya telah siap, Kontraktor hendaklah membayar atau memberikan kepada Majlis suatu jumlah yang dikira mengikut kadar yang dinyatakan dalam lampiran sebagai Gantirugi Tertentu dan Gantirugi yang ditetapkan selama tempoh Kerja tersebut. Formula pengiraan seperti berikut :-

$\frac{BLR \times \text{Harga Kontrak}}{365}$

365

Atau

RM 100.00/ hari

} Yang mana lebih tinggi

b. KETIDAKPATUHAN SPESIFIKASI

Pihak MPAG boleh mengenakan sebarang bentuk denda kepada kontraktor berdasarkan kegagalan mematuhi syarat-syarat di dalam dokumen kontrak. Denda akan dikenakan jika didapati kontraktor tidak mengikut atau menjalankan kerja-kerja yang dinyatakan dalam skop kerja/bidang yang telah disenaraikan. Denda ini akan ditolak daripada Nilai Kontrak dan Pegawai Penguasa atau Wakilnya berhak untuk menuntut daripada kontraktor.



Denda yang akan dikenakan bagi kerja-kerja yang tidak disiapkan atau dipenuhi seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau Wakilnya bergantung kepada peratus denda sehingga 100% daripada nilai harga kerja yang tidak dapat disiapkan dengan memuaskan. Denda akan ditolak pada tuntutan bayaran pada bulan semasa atau tuntutan bayaran pada bulan berikutnya tertakluk kepada Pegawai Penguasa dan berdasarkan Laporan Semakan Tapak Pegawai Penyelia.

Jadual Kadar Denda Mengikut Ketidakpatuhan Adalah Seperti Berikut :-

Bil.	Kesalahan	Kadar Denda (RM)
1	Arahan kerja tidak diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan merujuk surat arahan dikeluarkan.	100.00/sehari
2	Kerja-kerja penebangan/cantasan yang dilaksanakan tidak mengikut arahan dan spesifikasi yang diberikan.	500.00/sepokok
3	Tidak menggunakan <i>Personal Protection Equipment (PPE)</i> yang bersesuaian dan peralatan keselamatan semasa pelaksanaan kerja di tapak.	100.00/sehari
4	Mengalami kemalangan di tapak kerja	a) RM2,000.00 b) Surat Amaran Pemberhentian/penangguhan kerja sehingga mematuhi arahan baru dikeluarkan.

5.0 SPESIFIKASI PENEANGAN POKOK DAN PEMBERSIHAN SISA-SISA PENEANGAN

- i. Pokok-pokok yang ditebang hendaklah mengikut sepertimana yang telah ditandai dengan cat merah oleh pihak majlis. Sebarang kerugian akibat kesilapan dalam pemilihan pokok yang ditebang adalah di bawah tanggungjawab pihak kontraktor sepenuhnya.
- ii. Batang pokok yang ditebang hendaklah bersamaan dengan aras tanah atau mengikut sepertimana arahan oleh MPAG/Pengarah Pengindahan Bandar.
- iii. Pihak kontraktor hendaklah berurusan sendiri dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti **Jabatan Perhutanan, PDRM, JPS, TNB, TM dll.** jika kerja-kerja yang dilaksanakan mempunyai kaitan atau memerlukan kebenaran rasmi dari agensi-agensi tersebut. Sebarang kesulitan atau permasalahan yang timbul dengan agensi-agensi berkaitan adalah di bawah tanggungjawab pihak kontraktor sepenuhnya.
- iv. Segala batang, dahan, daun dan sisa-sisa peneangan hendaklah dibersihkan dan dilupuskan di kawasan yang diluluskan oleh pihak berkuasa (*approved dumping area*). Sebarang kesulitan atau permasalahan yang timbul berkaitan pelupusan sisa-sisa peneangan adalah di bawah tanggungjawab pihak kontraktor sepenuhnya.
- v. Pihak majlis berhak meminta pihak kontraktor yang dilantik untuk mengemukakan resit rasmi sebagai bukti kerja-kerja pelupusan sampah adalah di lokasi yang dibenarkan.



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

DOKUMEN SEBUT HARGA PERKHIDMATAN (TAWARAN KEWANGAN)

PERKHIDMATAN PENEANGAN DAN CANTASAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI SEKITAR DAERAH ALOR GAJAH (MARRIS FASA 2) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024

No. Sebut Harga	:	MPAG/SH/57/2024
Nama Syarikat Dan Cop Syarikat	:	

PERHATIAN:

1. Hanya BORANG ASAL sahaja perlu dikembalikan.
2. Cop Rasmi Syarikat mestilah sama dengan nama syarikat di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
3. Borang ini mengandungi Senarai Semak Tawaran Kewangan, Lampiran Q, 1, 2, 3, dan 4 (Lampiran TAWARAN KEWANGAN) dan semua lampiran wajib dihantar dan kegagalan menghantar kesemua lampiran dan dokumen yang diwajibkan akan menyebabkan penawaran tender ini tidak akan dipertimbangkan (sila rujuk syarat-syarat tender).
4. Setiap ruangan hendaklah diisi. Jika tidak berkenaan, sila nyatakan "TIDAK BERKENAAN".
5. Semua dokumen hendaklah dijilid dengan kemas. Penggunaan separator berlabel (tagging) adalah digalakkan. Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal hendaklah dijilid secara BERASINGAN DAN SAMPUL YANG BERASINGAN.
6. Borang yang dikemukakan tidak mengikut arahan di atas TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN. Keputusan ini adalah MUKTAMAD dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.

SULIT

SENARAI SEMAK TAWARAN KEWANGAN

PENGESAHAN PENGHANTARAN DOKUMEN

Tandakan (✓ - Jika dokumen disertakan) atau (X – Jika dokumen tidak disertakan) di ruangan yang berkenaan dan masukkan lampiran-lampiran yang berkenaan dalam sampul tawaran yang betul.

SAMPUL TAWARAN	PERKARA	PENGESAHAN OLEH SYARIKAT (✓ atau X)	JAWATAN KUASA PEMBUKA SEBUT HARGA (✓ atau X)
LAMPIRAN TAWARAN KEWANGAN (Dimasukkan ke dalam sampul Tawaran Kewangan)	DOKUMEN WAJIB		
	LAMPIRAN Q		
	LAMPIRAN 1 - Maklumat Latar Belakang Penyebut harga		
	LAMPIRAN 2 - Surat Akuan Pembida		
	LAMPIRAN 3 - Jadual Tawaran Harga		
	LAMPIRAN 4 - Senarai Pemberian Peralatan/Barangan Secara Percuma (Jika Ada)		
	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia		
	Salinan Sijil Pendaftaran Bumiputera daripada Kementerian Kewangan Malaysia (Jika Berkaitan)		
	Salinan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
	Salinan Penyata Bank atau <i>online banking statement</i> bagi bulan Mei 2024, Jun 2024 dan Julai 2024 (transaksi beserta baki). Salinan Penyata Bank atau <i>online banking statement</i> bagi setiap Penyata Bank yang dikemukakan selain daripada bulan-bulan yang dinyatakan TIDAK AKAN DIAMBILKIRA.		
	Profile syarikat		
	DOKUMEN TAMBAHAN (Jika Ada)		
	Lain-lain kenyataan yang boleh menyokong tawaran seperti surat pengesahan daripada Prinsipal.		



Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca arahan-arahan yang dinyatakan di atas. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Pemilik Syarikat

.....
(Tandatangan)
Nama:
No. K.P:
Tarikh:

Cop Syarikat :

SULIT



LAMPIRAN Q
(Kew 284-Pin 5/94)

T.T. PEMBUKA SEBUT HARGA

T.T. PEMBUKA SEBUT HARGA

**KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
NEGERI MELAKA**

**PERKHIDMATAN PENEANGAN DAN CANTASAN POKOK-POKOK YANG BERPOTENSI
MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI SEKITAR DAERAH ALOR
GAJAH (MARRIS FASA 2) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada Penyebut Harga (Nama Syarikat):

Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh:

.....
.....
.....

Unit Perolehan
Majlis Perbandaran Alor Gajah
Alor Gajah,
78000 Melaka.

Nombor Telefon:.....

No. Telefon : 06-5562575

Nombor Pendaftaran dengan Kementerian
Kewangan :

Tarikh :

Kod bidang Pendaftaran yang relevan dengan
perkhidmatan ini : **221002 DAN 221003**

Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

- 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan adalah seperti **MPAG/SH/57/2024**
- 1.2 Arahan kepada Penyebut Harga seperti di **Lampiran A.**
- 1.3 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat yang berlakri serta menulis **MPAG/SH/57/2024**
- 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat seperti yang dinyatakan dalam arahan kepada penyebut harga tidak lewat pada jam **12.00 tengahari** pada **4 September 2024.**
- 1.5 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari selepas tarikh tutup.**

Bil	Perihal bekalan/perkhidmatan Syarat-syarat Khas	Harga (RM)
	Untuk diisi Kementerian / Jabatan	Untuk diisi oleh Penyebut Harga
	<p>PERKHIDMATAN PENEANGAN DAN CANTASAN POKOK- POKOK YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI SEKITAR DAERAH ALOR GAJAH (MARRIS FASA 2) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH TAHUN 2024</p> <p>Jadual Tawaran Harga hendaklah dilengkapi dan jumlah tawaran adalah sama seperti di Lampiran 3.</p>	RM

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih.
- (ii) Bekalan/perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
 - a) Arahan kepada Penyebut Harga seperti di Lampiran A.
 - b) Syarat-syarat Am Kepada Penyebut Harga di Lampiran B
 - c) Syarat-Syarat Teknikal Dan Spesifikasi Sebut Harga di Lampiran C.
 - d) Jadual Tawaran Harga seperti di Lampiran 3.

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga:

Nama dan No. K/P:.....

Alamat Syarikat:

Tarikh:.....

DOKUMEN MESJID TERKAWAL

MAKLUMAT LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA

Segala butir dilampirkan ini hendaklah diisi oleh penyebut harga dengan betul dan lengkap dan dikembalikan bersama-sama dengan sebut harga. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan sebut harga ini ditolak atau / dan tidak dipertimbangkan.

LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Syarikat :
3. No. Pendaftaran Syarikat :
4. No. Telefon/No. Fax :
5. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia:
 - No. Pendaftaran :
 - Tempoh Sah Laku :
6. Pendaftaran Taraf Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia :
 - No. Pendaftaran :
 - Tarikh Tamat :
- ~~7. Pendaftaran GST dengan Kastam Diraja Malaysia (jika ada) :-~~
 - ~~No. Pendaftaran :~~
 - ~~Tarikh Daftar :~~

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**MPAG/SH/57/2024 - PERKHIDMATAN PENEBAANGAN DAN CANTASAN POKOK-POKOK
YANG BERPOTENSI MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN ORANG AWAM DI LOKASI
SEKITAR DAERAH ALOR GAJAH (MARRIS FASA 2) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR
GAJAH TAHUN 2024**

Saya, No. Kad Pengenalan yang
mewakili nombor Pendaftaran.....
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada manamana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

